

PM: Kandungannya dianggap seperti hadis

Buku asing

jadi panduan

BH 19 NOV 1984

KEPALA BATAS, Ahad — Perdana Menteri **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** berkata ada segolongan orang yang menggunakan buku yang kononnya dikarang oleh seorang pemimpin Islam luar negeri sebagai panduan untuk memperolehi kuasa di negara ini.

"Sementara kerajaan menyerahkan rakyat kepada kebaikan, teladan yang baik, kebersihan, kecekapan, amanah dan disiplin, mereka menyeru kepada keburukan," tegas Perdana Menteri di hadapan kira-kira 5,000 rakyat di perasmian Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang di sini hari ini.

Turut hadir di perasmian Ekspo seminggu itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu.

Para usahawan Bumiputera memamerkan pelbagai hasil dan perkhidmatan di 68 gerai manakala usahawan-usahawan kecil memenuhi 50 tapak

jualan lelong dan 20 gerai makanan.

Menurut Perdana Menteri, golongan itu seolah-olah mengajar umat Islam supaya berpecah belah dengan memutarbelitkan hadis-hadis.

"Saya tidak tahu daripada mana mereka dapat hadis-hadis seperti itu. Tetapi mereka ini pandai mencari hadis dan satu daripadanya di erolehi daripada sebuah buku yang ditulis oleh seorang pemimpin Islam sebuah negara asing.

"Tulisan pemimpin itu disanjung hingga sudah boleh dianggap hadis. Mereka telah mencetak semua buku itu," tegas Perdana Menteri.

Katanya, kerana gilakan kuasa, kumpulan ini tidak lagi peduli sama ada tafsiran dalam buku itu tepat atau tidak. Yang diutamakan ialah untuk menawan nau rakyat.

Memutarbelit

Perdana Menteri berkata hari ini mereka mengadakan perjumpaan berasingan untuk mengalih perbatian orang Melayu Pulau Pinang daripada ekspo itu. (Pas hari ini mengadakan perhimpunan Pas di Bukit Mertajam).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerana perpecahan itu kemajuan orang-orang Melayu tersekat.

Bellau menggesa orang-orang yang bertanggungjawab, terutamanya orang-orang Islam yang menjadi golongan kecil di Pulau Pinang, supaya bekerja keras untuk membanteras ajaran-ajaran sesat.

Katanya golongan ini ingh melihat orang Melayu gagal kerana jika orang Melayu gagal, lebih senanglah mereka menunjuk masyarakat Melayu supaya menyokong mereka.

"Kita tidak menuduh mereka sebagai kafir tetapi di kalangan orang Islam ada yang munafik dan tidak," tegas beliau.

Tambahnya, mereka bercakap mengenai yang menuntut perpaduan dan perasaan persaudaraan tetapi mereka melarang orang-orang mereka bercampur dengan orang Islam yang lain.

Diketepikan

"Kita dapati bahawa pemimpin-pemimpin mereka yang lama yang tua sudah diketepikan walaupun nama mereka masih digunakan," tam-

bah Datuk Seri Dr Mahathir.

Sehubungan ini Perdana Menteri menyeru orang-orang Islam supaya bangun semula dan mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu di negara ini.

"Kalau dahulu kita mempertahankan hak orang-orang Melayu daripada dihancurkan oleh British, sekarang ini kita terpaksa mempertahankan hak orang-orang Melayu daripada satugolongan orang-orang Melayu sendiri yang sudah lupa kepada negara ini.

"Mereka mendapat banyak nikmat daripada kita tetapi tidak pernah bersyukur dan berterima kasih, sebaliknya mereka menggigit tangan yang memberi mereka makan," katanya.